

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1988**

### **DASAR PEMBERIAN MILIK TANAH BAGI RANCANGAN MINI ESTET RISDA**

Mengikut pendaftaran RISDA 1985 terdapat seramai 54,716 keluarga dalam Negeri Kelantan yang terdiri daripada pekebun kecil yang memiliki kawasan tanah getah seluas lebih kurang 83,795 hektar. Berpandu kepada satu "aerial survey" dalam tahun 1974, keluasan tanah getah yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil berjumlah lebih kurang 126,55.9 hektar. Daripada jumlah ini lebih kurang 45,860 hektar adalah terdiri daripada tanah-tanah usaha tanpa hakmilik. Tanah-tanah usaha tanpa hakmilik ini agak besar keluasannya dan merugikan negeri ini dari segi aliran kewangan daripada skim bantuan tanaman semula RISDA pada kadar \$2,200.00 bagi setiap ekar, kerana pekebun-pekebun kecil yang terlibat itu tidak dapat menyertai skim tanaman semula semata-mata kerana tanah yang mereka usaha itu tidak mempunyai hakmilik yang sah. Tanah-tanah usaha tanpa hakmilik ini terbahagi kepada 2 golongan.

- (a) Tanah yang telah dilulus milik tetapi tidak dijelas premium kerana tidak mampu ;
- (b) Tanah-tanah yang belum dilulus milik atau belum dipohon.

2. Bagi mengatasi keadaan ini Kerajaan Negeri melalui Kertas Bil. 15/485/87(38) telah meluluskan dasar pemberianmilik tanah bagi Rancangan Mini Estet RISDA setelah mengambil hitungan :-
  - 2.1 Ketidakmampuan pengusaha-pengusaha tanaman getah membayar premium tanah telah tidak membolehkan mereka memperoleh hakmilik tanah yang sah. Tanpa hakmilik yang sah, pekebun-pekebun kecil tidak dapat memperoleh bantuan tanaman semula dan menyertai Skim Mini Estet RISDA ;
  - 2.2 Dengan menebang pokok-pokok getah tua dan menanam semula dengan benih terpilih, pekebun-pekebun kecil akan menikmati pendapatan yang diharapkan dan Negara tidak terus menanggung kerugian dari segi pungutan wang ses keraa pengeluaran hasil yang rendah ;
  - 2.3 Kerajaan Negeri dapat membantu tindakan membangun kawasan-kawasan pendalaman dan seterusnya membuka peluang-peluang pekerjaan dalam sektor pertanian. Disamping itu Kerajaan akan memperoleh bayaran premium dan hasil tanah apabila kawasan dimajukan dan mengeluarkan hasil.
  - 2.4 Pekebun-pekebun kecil getah yang terlibat yang belum mempunyai hakmilik tanah akan mendapat hakmilik dan seterusnya dapat bantuan tanam semula dan menyertai Skim Mini Estet. Selanjutnya mereka akan memperoleh jaminan pendapatan yang bertambah berbanding dengan sebelumnya.

3. Dasar-dasar dan pelaksanaannya yang telah diluluskan itu adalah bagaimana berikut :-

3.1. Mengenal Kawasan

3.1.1 RISDA bersama-sama Pejabat Tanah dan Jajahan berkenaan, mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk dibangun secara mini estet.

3.1.2 Unit Pembangunan Tanah Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian akan menyukat tanah-tanah dalam kawasan dikenalpasti dan mengemukakan laporan untuk perakuan Jawatankuasa Tanah Jajahan, dari segi :-

- a. Persetujuan membangun kawasan dikenalpasti di bawah Skim Mini Estet RISDA;
- b. Memilih dan mengesahkan pekebun-pekebun kecil yang mengusaha tanah tanpa hakmilik sebagai peserta mini estet RISDA.

3.1.3 Pentadbir Tanah Jajahan berkenaan mengemukakan perakuan Jawatankuasa Tanah untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

3.1.4 Syarat-syarat kelulusan pemberianmilik tanah bagi pekebun-pekebun kecil yang akan menyertai Skim Mini Estet RISDA ialah bagaimana berikut :-

- a. Jenis hakmilik : Pajakan 99 tahun
- b. Jenis Kegunaan : Pertanian
- c. Syarat Nyata : Getah atau lain-lain tanaman yang sesuai ditentukan.
- d. Sekatan Kepentingan : Tidak boleh dipindahmilik atau diberi pajak dalam tempoh 10 tahun pertama daripada tarikh pendaftaran hakmilik.
- e. Premium : \$100.00 sehektar dengan secara enhance rent mengikut kadar yang ditentukan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan.
- f. Premium Denda : Dikenakan mengikut Kaedah Tanah Kelantan 1966 dan dipungut secara tangguhan dalam tahun ketujuh secara ansuran mengikut cara dan kadar yang ditentukan oleh Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan.

- g. Hasil Tanah : \$6.00 sehektar setahun dalam tempoh 6 tahun pertama daripada tarikh pendaftaran hakmilik dan selepas itu \$35.00 sehektar setahun dan syarat bayaran dipungut secara enhance rent mengikut kadar yang ditentukan oleh Pengarah Tanah Dan Galian, Kelantan.
- h. Upah Ukur : Dikenakan 1/3 daripada kadar terjadual dalam Perintah K.T.N. (Bayaran Ukur) 1965.
- i. Bayaran lain-lain : Mengikut kadar terjadual dalam Kaedah Tanah Kelantan 1966.

3.1.5 Bayaran yang perlu dibuat oleh setiap peserta membolehkan hakmilik didaftar dan dikeluarkan selepas permohonan diluluskan adalah sebagaimana berikut :-

- a. Bayaran permohonan : \$10.00
- b. Premium (nominal) : \$10.00
- c. Penyediaan, pendaftaran : \$25.00  
dan Pengeluaran QT
- d. Penyediaan dan Pengeluaran : \$10.00  
Hakmilik Kekal

- e. Upah Ukur dikenakan 1/3 : \$33.50  
daripada kadar terjadual  
(anggaran bagi 3 hektar)

\$88.50

- f. Hasil Tanah secara enhance rent : Mengikut kadar Lampiran 'A' atau yang ditetapkan oleh Pengarah Tanah & Galian, Kelantan.

4. Dasar ini boleh juga dipakai di mana sesuai bagi kawasan rancangan pemulihan oleh FELCRA

**t.t**

**(Hj. Ismail Hassan)**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, BLOK 3  
KOTA DARULNAIM  
KOTA BHARU**

**BERTARIKH : 1Hb. DISEMBER 1988**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua ketua Jajahan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah RISDA , Kelantan
10. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**FAIL: P.T.G.KN.SULIT 1/2/5/(10).**





**LAMPIRAN 'A'**

**KADAR BAYARAN SECARA ENHANCE RENT**

		BAYARAN BAGI DAFTAR MILIK TANAH				BAYARAN TAHUNAN				
BIL	KELUASAN TANAH	BAYARAN PEJABAT	HASIL TANAH	UKUR DLL	JUMLAH BAYARAN TAHUN PERTAMA	PREMIUM BIASA	HASIL TANAH TAHUN 2-6	ENHANCE RENT	PREMIUM DENDA	KENYATAAN
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)
1.	1 ha.	\$ 45.00	\$ 6.00	\$ 16.70	\$ 67.70	\$ 100.00	\$ 30.00	\$ 26.00	\$ 250.00	Premium denda ditangguh bayaran dan dipungut secara ansuran dalam tahun ke 7 melalui agensi yang mengurus Mini Estet.
2.	2 ha.	\$ 45.00	\$ 12.00	\$ 23.40	\$ 80.40	\$ 200.00	\$ 60.00	\$ 52.00	\$ 500.00	
3.	3 ha.	\$ 45.00	\$ 18.00	\$ 33.40	\$ 96.40	\$ 300.00	\$ 90.00	\$ 78.00	\$ 750.00	
4.	4 ha.	\$ 45.00	\$ 24.00	\$ 40.00	\$ 109.00	\$ 400.00	\$ 120.00	\$ 104.00	\$ 1,000.00	

**KETERANGAN :**

- Ruangan 3 : Bayaran permohonan, pendaftaran dan pengeluaran QT, Pendaftaran dan Pengeluaran hakmilik kekal (10+25+10 = 45)
- Ruangan 5 : Bayaran upah ukur dikenakan 1/3 daripada kadar terjadual + Batu Sempadan dan penyediaan hakmilik kekal.
- Ruangan 8 : Premium denda dikira 2 1/2 kali ganda. Kiraan sebenar perlu dibuat mengikut Peraturan Tanah, Kelantan 1966.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN, KOTA BHARU  
BERTARIKH : 1HB DISEMBER, 1988.**